

BAB LIMA

BAB V

PENUTUP

I. KESIMPULAN.

Sebagai penutup, penulis cuba membuat kesimpulan berdasarkan kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan keterangan yang telah dibuat berhubung dengan permasalahan kajian.

a. Penubuhan Dewan Muslimat.

i. Dewan Muslimat PAS Pusat telah ditubuhkan pada 3 Januari 1953 dalam Muktamar Agung Tahunan PAS kali pertama di Kepala Batas, Seberang Prai. Penubuhannya telah disarankan oleh Ustaz Haji Zabidi bin Ali dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PAS Pusat pada 30 April 1952. Penubuhannya untuk membantu kaum muslimin dalam menyampaikan dasar perjuangan PAS kepada masyarakat khususnya dikanlangan kaum wanita. Ustazah Syarifah Rahmah dilantik menjadi ketuanya dan dibantu oleh 6 orang ahli jawatankuasa yang lain

ii. Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu pula ditubuhkan pada tahun 1973. Penubuhannya dirasmikan oleh Ustazah Zubaidah bt. Ali selaku Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat pada masa itu. Hajjah Fatimah bt. Ismail telah dilantik menjadi ketuanya yang pertama sehingga tahun 1989. Sepanjang

penubuhannya sehingga sekarang [1999- 2001] ia telah dipimpin oleh empat orang Ketua, dimulai oleh Hajjah Fatimah [1973-1989], kemudian disusuli oleh Hajjah Aisyah binti Haji awang [1989-1991], seterusnya Hajjah Zaindun binti Yusof [1991-1997] dan sekarang Hajjah Fatimah binti Ibrahim [1997-2001].

iii. Manakala Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu pula ditubuhkan pada tahun 1958. Penubuhannya dirasmikan oleh Ustaz Haji Muhammad Asri bin Haji Muda selaku Pesuruhjaya PAS negeri Kelantan pada masa itu. Penubuhan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu sejurus selepas tertubuhnya Dewan Muslimat PAS Kawasan Dungun pada tahun 1957 dan Kawasan Besut pada tahun 1958. To' Puan Nik menjadi ketuanya yang pertama, kemudian disusuli oleh To' Puan Siti Rogayah.

iv. Disamping itu penubuhan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu diperbaharui pula pada 14 Mac 1981. Ianya berlaku di Masjid Kampung Kolam, Kuala Ibai Kuala Terengganu. Mesyuarat ini dihadiri oleh ramai muslimat dan pemimpin-pemimpin PAS negeri Terengganu. Dalam mesyuarat ini Hajjah Aminah binti Muhammad dilantik menjadi ketuanya yang baru dan dibantu oleh 12 orang ahli jawatankuasa yang lain. Dari tahun 1981 sehingga sekarang Dewan Muslimat Kawasan Kuala Terengganu telah dipimpin oleh empat orang, dimulai oleh Hajjah Aminah binti Muhammad [1981 - 1983], kemudian disusuli oleh Hajjah Zaindun binti Yusof [1983 -

1991], seterusnya Hajjah Hazezah binti Mat Zin [1991 – 1995] dan sekarang Hajjah Shamsiah binti Abu Bakar [1995 – 2001].

b. Pentadbiran Dewan Muslimat.

- i. Dewan Muslimat PAS Pusat dipimpin oleh 19 orang Jawatankuasa Kerja. Bagi sesi 1999/2001 ianya diketuai oleh Ustazah Jamilah binti Ibrahim. Beliau dibantu oleh 18 orang ahli jawatankuasa yang lain. Pejabat pentadbirannya di Markaz Tarbiyyah PAS, Taman Melewar, 68100 Batu Caves, Selangor.
- ii. Manakala Dewan Muslimat PAS negeri Terengganu pula, dipimpin oleh 17 orang Jawatankuasa Kerja yang dilantik semasa Muktamar Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS negeri Terengganu. Ustazah Hajjah Fatimah binti Ibrahim menjadi ketuanya untuk sesi 1999/2001. Pejabat pentadbirannya di Pejabat PAS Negeri Terengganu, No, 33 Taman Sri Intan, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan semua urusan dan tugas yang telah ditetapkan.
- iii. Bagi Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu pula, pentadbirannya dikendalikan oleh 15 orang Jawatankuasa Kerja. Mereka diketuai oleh Ustazah Hajjah Shamsiah binti Abu Bakar. Jawatankuasa inilah yang bertanggungjawab menggerakkan dan mengawasi semua pergerakan Dewan Muslimat. Pejabat operasinya pula di Pejabat PAS Kawasan Kuala Terengganu, Jalan Pusara, Kuala Terengganu.

iv. Dasar Dewan Muslimat PAS ialah Islam dan matlamatnya ialah negara Malaysia menjadi sebuah negara yang tertegak di dalamnya undang-undang Islam. Manakala tujuan dan tugasnya pula ialah berusaha ke arah menyatupadukan para muslimat dalam satu badan pertubuhan yang mempunyai sifat dan roh perjuangan yang diredhai oleh Allah, menanam dan menghidupkan semula roh serta semangat keislaman agar menjadi suatu sistem hidup para muslimat, berusaha mempertingkatkan kehidupan muslimat dan bekerjasama dengan ahli-ahli PAS yang lain ke arah memastikan kejayaan cita-cita dan perjuangan PAS.

v. Untuk menjamin perjalanan dan pergerakan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu itu lebih mudah dan berkesan, 8 buah Lujnah ditubuhkan yang terdiri daripada: Lujnah Tarbiyyah dan Dakwah, Lujnah Penerangan dan Hal-Ehwal Luar, Lujnah Ekonomi dan Kewangan, Lujnah Kebajikan dan Kemasyarakatan, Lujnah Keselamatan, Lujnah Pembangunan Markaz Tarbiah, Lujnah Buroh dan Tani dan Lujnah Politik dan Pilihanraya. Kelapan-lapan lajnah ini bertanggungjawab mengatur program mengikut lajnah masing-masing. Segala aktiviti yang dirancang mestilah dipersetujui dalam mesyuarat Ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Kawasan. Bagi Jawatankuasa Kerja Harian pula, ianya berhak untuk mengadakan mesyuarat secara tergepar untuk membincangkan permasalahan yang perlu diambil keputusan dan tindakan segera.

c. Bidang Politik.

- i. Aspek politik adalah aspek yang paling penting dan diambil berat oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu, ini kerana ia adalah sayap kiri kepada parti PAS yang bermatlamat hendak menjadikan negara ini sebagai negara Islam yang terlaksana di Dalamnya hukum-hukum Islam. Perjuangannya dalam bidang politik adalah sama yang dibawa oleh Dewan Ulama' dan Dewan Pemuda PAS akan tetapi perjuangannya hanya dijuruskan kepada kaum wanita sahaja.

- ii. Kefahaman politik Islam dikalangan masyarakat masih berada ditahap yang kurang memuaskan, sehubungan dengan itu Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu bekerja keras untuk memberi kefahaman ini kepada ahli masyarakat. Penerangan ini diberikan melalui program usrah, tamrin, seminar, daurah, kuliah agama, dialog dan sebagainya lagi.

- iii. Bagi sesi 1999/2001 beberapa program ceramah politik muslimat telah diatur dan dilaksanakan. Sebagai contoh ceramah politik muslimat bertempat di Markaz Tarbiyyah Muslimat PAS DUN Wakaf Mempelam pada 17 Julai 1999. Ceramah ini diberikan oleh Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat, Ustazah Hajjah Jamilah binti Ibrahim. Dalam program ini hadirin diberi penerangan mengenai politik Islam dan isu-isu semasa.

- iv. Dalam berpolitik, menegur atau membetul kerajaan adalah salah satu agenda Dewan Muslimat PAS apabila sesuatu aktiviti atau perkara yang

dilakukan oleh kerajaan itu bertentangan dengan ajaran Islam. Sebagai contoh pertandingan ratu cantik, iklan sabun yang memaparkan wanita yang tidak berpakaian sempurna dan sebagainya.

v. Disamping itu juga, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu cuba mendesak kerajaan supaya pekerja-pekerja wanita yang memakai pakaian seragam diberi keizinan untuk memakai pakaian yang lebih sopan serta menutup aurat seperti yang dikehendaki oleh Islam. Secara umumnya segala usaha mengeksploitasi wanita amat-amat dikutuk oleh pihaknya.

vi. Teguran dan desakan ini disalurkan melalui agenda usul yang dikemukakan melalui Mesyuarat Muslimat PAS Cawangan, kemudian ianya dibawa ke Muslimat Kawasan, seterusnya dinaikkan pula ke Muslimat Negeri dan kemudian dibawa ke dalam Mesyuarat Dewan Muslimat PAS Pusat. Dalam Mesyuarat Dewan Muslimat PAS Pusat usul tadi dibentang dan dibahaskan, manakala ianya diterima barulah dibawa ke dalam Muktamar Tahunan PAS untuk dibentang. Selepas persetujuan diambil dalam muktamar tersebut barulah diserahkan memorendam kepada kerajaan.

vii. Dalam negara demokrasi berparlimen, pilihanraya adalah menjadi satu medan utama bagi rakyat untuk memilih dan menentukan siapakah atau parti manakah yang akan memerintah. Memandangkan parti PAS adalah sebuah parti politik yang terlibat dalam pilihanraya maka dengan sendirinya Dewan Muslimat PAS sebagai sayap kirinya terlibat dalamnya. Bagi Dewan Muslimat

PAS Kawasan Kuala Terengganu memang sudah menjadi kemestian baginya untuk turut terlibat dan memberi sumbangan dalam arena pilihanraya.

viii. Dalam aspek politik Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu bukan sahaja terlibat dalam memberi kefahaman mengenai politik Islam kepada masyarakat, akan tetapi ia juga turut berkerja keras dalam pilihanraya untuk memastikan cita-cita atau matlamat PAS itu tercapai. Untuk memastikan parti PAS mendapat kemenangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu turut berkempin dari rumah ke rumah dan menghantar risalah-risalah penerangan ke setiap rumah.

ix. Dalam menghadapi pilihanraya, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu telah membentuk Jawatankuasa Pilihanraya Dewan Muslimat PAS di setiap DUN yang berada didalamnya. Ianya terdiri dari Ketua Hal Ehwal Muslimat, Naib Ketua, Setiausaha dan ahli jawatankuasa yang terdiri dari ketua-ketua muslimat peringkat peti undi dan cawangan.

x. Disamping itu, disetiap DUN ditubuhkan pula beberapa Jawatankuasa Pilihanraya Dewan Muslimat Peringkat Peti Undi. Ianya mengikut berapa banyakkah peti undi dalam DUN tersebut. Di dalam Jawatankuasa ini pula ditubuhkan beberapa unit kecil, ia terdiri dari: Unit Perayu Undi, Unit Perhubungan, Unit Risalah dan Poster dan Unit Bangsal Panas. Dalam setiap unit, seorang ketua dilantik dan dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Mereka akan menjalankan tugas masing-masing berpandukan unit yang telah ditentukan itu.

v xv. Dalam memastikan petugas pilihanraya sentiasa bersemangat dan bekerja dengan penuh teratur, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu mengadakan beberapa kursus pilihanraya seperti "Motivasi Pilihanraya" dan "Teknik Merayu Undi". Dalam kedua-dua program ini peserta diberi semangat untuk bekerja dalam pilihanraya dan diajar cara-cara merayu undi dari pengundi-pengundi dalam pilihanraya. Secara umumnya petugas diberi pengisian dahulu sebelum tugas pilihanraya dijalankan, agar segala tugas itu berkesan dan mantap.

d. Bidang Sosial.

i. Secara umumnya segala program yang dianjurkan oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu itu adalah untuk mengajak masyarakat Islam khususnya supaya taat kepada Allah, memahami kehendak Islam yang sebenar, seterusnya menjadi masyarakat yang sentiasa patuh pada suruhan dan larangan yang telah ditetapkan oleh Islam. Sebagai sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu kepada masyarakat dalam aspek sosial, ia telah merangka dan menjalankan banyak aktiviti dan setiap aktiviti yang dijalankan itu mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu.

ii. Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu telah menjalankan beberapa program bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan lagi tali silaturrahim serta hubungan muhibbah antara satu sama lain dikalangan anggota masyarakat, samaada ianya terdiri dari kalangan ahli PAS atau

bukan ahli. Program-program yang dijalankan ini berbentuk umum atau pun boleh dikatakan terbuka kepada segenap lapisan masyarakat. Ia bertujuan untuk mengumpul seramai mungkin anggota masyarakat dalam satu tempat dan masa, dengan ini sesiapa yang terlibat dalam program tersebut akan membolehkannya untuk berkenalan antara satu sama lain.

iii. Antara program yang dijalankan untuk tujuan menjalin tali silaturrahim itu ialah Pertandingan Syarahan Peringkat Kuala Terengganu, Majlis Pertemuan Muhibbah, Majlis Bicara Muslimat, Pertemuan Muhibbah bersama Pegawai-pegawai Kerajaan, Forum Muslimat dan Motivasi Keibuan. Disamping itu juga Dewan Muslimat PAS turut serta dalam menjayakan program tahunan bagi PAS Kawasan Kuala Terengganu iaitu Hari Keluarga Kawasan Kuala Terengganu yang diadakan pada 3 Julai 1999 di kampung Pantai Dalam Chendering Kuala Terengganu.

iv. Disamping itu Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu juga peka dengan masalah kesihatan masyarakat. Ini kerana masyarakat yang sihat akan dapat menjana negara yang maju dan membangun. Sebagai sumbangannya untuk memastikan masyarakat sentiasa sihat dan ceria, maka program penerangan mengenai betapa pentingnya kesihatan telah diadakan

v. Antara program penerangan mengenai kesihatan yang telah dijalankan olehnya ialah: Program Penerangan Kesihatan yang diadakan di Pusat Bimbingan Ihsan Kuala Terengganu dan program Pertandingan Memasak dan Ceramah Kesihatan. Dalam program ini hadirin diberikan penerangan

mengenai betapa pentingnya kesihatan, mengenai penyakit dan cara-cara mengatasinya. Disamping program penerangan kesihatan diberi, Dewan Muslimat PAS Kawasan turut mengadakan program minggunya iaitu Senaman Aerobek pada setiap hari Rabu di Pusat Bimbingan Ihsan. Kesemua program ini terbuka untuk semua lapisan masyarakat dikalangan wanita.

vi. Disamping itu, kebajikan untuk masyarakat tidak diabaikan oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu. Dengan dibantu oleh Muslimat PAS Cawangan, ia telah menjalankan beberapa program kebajikan antara lain ialah menziarahi orang bersalin, mati dan sakit samaada di hospital mahupun di rumah dan lain-lain lagi. Tidak ketinggalan juga orang miskin, anak yatim dan orang yang kurang upaya turut diberi perhatian oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu. Mereka diberi bantuan kebajikan berbentuk barang makanan, pakaian dan wang, ini semua berpandukan kepada keperluan mereka.

vii. Kecemerlangan dalam pelajaran itu amat penting dalam melahirkan anggota masyarakat yang berminda dan maju ke hadapan seterusnya menjana negara yang membangun. Menyedari hakikat ini, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu telah menjalankan beberapa program. Program yang dijalankan ini difokuskan kepada remaja dan pelajar, namun begitu ianya terbuka kepada semua anggota masyarakat. Antara program yang dilaksanakan ialah Motivasi PMR dan SPM pada 13 September 1997 di Mengabang Tengah Kuala Terengganu. Para hadirin diberi motivasi oleh Dr.

Syed Azman bin Syed Ahmad dan Che Noraini binti Hashim. Dalam program ini pelajar diberi motivasi bagaimana nak cemerlang dalam pelajaran, cara menghafaz, cara menjawab soalan dan sebagainya. Diantara lain program kecemerlangan yang dijalankan ialah Motivasi Pelajar UPSR, Kem Motivasi Kecemerlangan Akademik Pelajar, Teknik Menjawab Soalan UPSR dan SPM.

e. Bidang Pendidikan atau Pentarbiyahan.

i. Dalam bidang pendidikan atau pentarbiyahan, sumbangan yang diberikan oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu kepada masyarakat amat banyak, ini kerana matlamat yang dikehendaki olehnya adalah untuk melahirkan satu masyarakat yang berilmu, beramal dan bertaqwa kepada Allah. S.W.T. Pentarbiyahan atau pendidikan yang dilakukan oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu itu merangkumi aspek rohani dan jasmani, ini kerana kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain.

ii. Usrah, tamrin, daurah tarbiyah, seminar, qiyamulail dan iftar jamaie menjadi medan utama bagi Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu dalam mendidik dan mentarbiyah rohani ahlinya dan masyarakat amnya. Melalui usrah, ahli diberi pengisian mengenai pendidikan dan pentarbiyahan rohani yang secukupnya. Usrah diadakan disemua peringkat ahli bermula dari pimpinan atasan sehinggalah ke ahli cawangan. Usrah dibuat dirumah-rumah atau pun disurau-surau. Bagi usrah di cawangan ahli dipimpin oleh naqib. Naqib pula mempunyai usrah khusus yang dipanggil

“Usrah Nuqaba”. Usrah ini pula diadakan dikalangan ahli jawatankuasa Lujnah Tarbiyyah dan naqib-naqib. Namun begitu usrah di semua peringkat hanyalah diadakan untuk ahli sahaja, ianya tidak terbuka kepada umum.

iii. Disamping itu Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu turut mengadakan program yang lain, diantaranya: Iftar Jamaie, Tamrin Perkadiran, Daurah Tadribyyah, Qiyamulail dan Rehlah Remaja. Kesemua program ini bertujuan untuk mendidik rohani masyarakat kearah kebaikan.

iv. Dalam bidang pendidikan, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu juga memberi penjelasan dan meluaskan fahaman Islam dikalangan masyarakat. Penerangan ini bertujuan untuk memberi gambaran sebenar mengenai Islam, ini kerana Islam telah lama dicemari oleh fahaman-fahaman khurafat seperti ianya sekadar ibadah sahaja tidak termasuk politik dan perundangan.

v. Untuk memberi kefahaman Islam, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu telah menjalankan beberapa program ceramah agama. Kebiasaannya ceramah-ceramah seperti ini diadakan bersempena dengan hari-hari kebesaran dalam Islam. Antara ceramah yang telah diadakan ialah Ceramah Isra' Me'raj, Ceramah Hajjatul Wida', Forum Ramadhan Al-Mubarak, Forum Maulidur Rasul, Tazkirah Ramadhan dan sebagainya lagi. Disamping itu, usrah, tamrin, seminar dan dialog juga turut menjadi medan untuk memberi kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat.

vi. Pendidikan Islam juga turut diambil berat oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu. Ia berusaha memberi pendidikan Islam kepada masyarakat lebih-lebih lagi generasi muda yang akan mewarisi negara pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, ia telah menghantar muslimat-muslimat yang berwibawa untuk menjadi tenaga pengajar dan pendidik di Pusat Asuhan Tunas-Tunas Islam [PASTI]. Pelajar didedahkan dengan ilmu-ilmu Islam, akhlak mulia dan sebagainya. Pendidikan Islam untuk orang dewasa juga turut diadakan oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu. Ia mengadakan kelas Al-Quran, kelas Bahasa Arab, kelas agama dan fardu ain dirumah-rumah, surau-surau dan dipusat-pusat tarbiyah PAS.

f. Bidang Ekonomi.

i. Aspek ekonomi amat penting dalam menjana kehidupan masyarakat yang maju dan seterusnya negara yang membangun. Oleh itu dalam aspek ini, dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu telah mencurahkan sumbangan bagi membantu meningkatkan ekonomi masyarakat.

ii. Sebelum memastikan ekonomi masyarakat kukuh terlebih dahulu Dewan Muslimat PAS Kawasan memperkukuhkan ekonominya sendiri. Melalui kutip derma di tempat-tempat ceramah muslimat dan membuka gerai makan diprogram-program yang dianjurkan oleh PAS dapat menambah ekonominya. Selain dari itu Dewan Muslimat PAS Kawasan juga menjual barangan peralatan rumah secara bayaran bulanan kepada ahli untuk

menambah ekonominya. Dewan Muslimat PAS Kawasan juga turut melabur dalam sektor perumahan sebanyak RM10,000.

iii. Dalam memastikan ekonomi masyarakat kukuh dan maju, Dewan Muslimat PAS Kawasan telah mengatur dan melaksanakan beberapa program, diantaranya ialah Kursus Kewangan, Ceramah Penerangan Kohilal, Taklimat Ikatan Ihsan dan sebagainya lagi.

iv. Melalui program penerangan yang dilakukan ini ianya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai betapa pentingnya ekonomi yang kukuh. Disamping itu, masyarakat juga diberi penerangan mengenai peluang peniagaan yang dapat diceburinya untuk menambah ekonominya. Sebagai contoh dalam program "Ceramah Penerangan KOHILAL" dan "Taklimat Ikatan Ihsan" hadirin diberi penerangan mengenai peluang-peluang perniagaan seperti menjadi stokis jualan langsung barangan keluaran KOHILAL.

v. Disamping penerangan mengenai ekonomi, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu turut memberi penerangan mengenai pertanian, ianya juga bertujuan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat. Ini kerana ada dikalangan ahli masyarakat yang bekerja sebagai petani di ladang secara kecil-kecilan. Diantara program yang dijalankan ialah "Kursus Penanaman dan Penjagaan Pokok" hadirin diberi penerangan mengenai cara-cara menanam pokok bermula dari menyemai benih sehinggalah kepada saat menuai. Memandangkan penanaman pokok dengan menggunakan

hidroponik ini masih baru dikalangan masyarakat maka satu program mengenainya telah diadakan oleh Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu. Dalam program "Taklimat Hidroponik" hadirin diberi penerangan mengenai bagaimanakah cara mengguna hidroponik, menanam dan menuai dan sebagainya lagi yang berkaitan dengannya.

vi. Berjimat cermat itu amat penting dalam memastikan ekonomi masyarakat itu terjamin. Menyedari hakikat ini Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu telah membuat penerangann mengenainya kepada masyarakat melalui program-programnya seperti dalam usrah dan sebagainya. Ini bertepatan dengan seruan kerajaan supaya rakyat sentiasa berjimat cermat dengan slogan "Inflasi Sifar".

vii. Disamping itu, berdasarkan kepada seruan kerajaan juga, agar rakyat membeli barangan buatan tempatan untuk menjamin ekonomi terus kukuh, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu turut mengadakan kempen penerangan mengenainya. Ia telah mengadakan program "Kempen Beli Barangan Tempatan", disamping itu, penerangan mengenainya turut diberi di dalam program-programnya yang lain seperti seminar dan sebagainya lagi.

II. KRITIKAN.

Selesai sudah kesimpulan yang dilakukan, seterusnya disusuli pula dengan kritikan di atas kelemahan yang terdapat pada Dewan Muslimat PAS

Kawasan Kuala Terengganu. Moga-moga dengan kritikan ini ia dapat dijadikan renungan atau pengajaran dan kebaikan bersama untuk terus mantap dan maju dimasa hadapan.

- i. Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu perlu sedar bahawa ia masih belum kuat dan mantap dari segi pentadbirannya. Hal ini dapat dilihat dengan tidak ada rasa tanggungjawab untuk menyimpan atau mencatat segala maklumat mengenai program-program yang dijalankan.
- ii. Sebagai bahan rujukan kertas kerja amat diperlukan untuk mengetahui segala pengisian yang diberikan kepada peserta dalam sesuatu program. Namun begitu Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu tidak cuba untuk menyimpan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam program-program yang telah dilaksanakan itu. Ini menyebabkan timbul satu masalah kepada sesiapa yang inginkan maklumat-maklumat tersebut.
- iii. Tarikh, masa dan tempat sesuatu program yang dijalankan itu amat penting dalam membuat kajian dan penyelidikan. Namun begitu Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu tidak mempunyai data dan maklumat terperinci mengenai program yang dijalankan itu. Ini kerana ia tidak mempunyai buku rekod untuk merekod segala maklumat itu. Perkara ini juga turut menyusahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat secara tepat.
- iv. Di pejabat Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu tidak ditugaskan seorang Setiausaha Kerja yang sentiasa bertugas disitu dalam

mengendalikan urusan pejabatnya. Ini amat menyulitkan bagi sesiapa termasuk penulis hendak membuat urusan. Disamping itu pejabat Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu seolah-oleh tidak beroperasi, memandangkan ia sentiasa tidak dibuka.

v. Disamping itu juga, maklumat mengenai sejarah penubuhan Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu dan Kawasan tidak dihimpun dan difailkan dalam satu buku khas untuk dijadikan rujukan apabila diperlukan. Dalam pada itu juga ramai daripada Ahli Jawatankuasanya yang tidak tahu langsung mengenai sejarah penubuhannya. Ini sungguh memalukan pertubuhan tersebut.

vi. Ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS tidak sepatutnya berpandangan serung kepada individu-individu yang mahukan maklumat untuk dijadikan rujukan. Ini kerana semasa penulis meminta maklumat ada dikalangan ahli jawatankuasanya yang marah dan diam sahaja, ini amat menyulitkan penulis.

vii. Dalam aspek ekonomi sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu masih dianggap kurang, ini kerana segala program yang dijalankan itu belum mencukupi dan kurang berkesan. Peluang peniagaan dan penerangan mengenai ekonomi yang diberikan itu adalah berbentuk dalaman sahaja. Ini dapat dilihat kepada program yang dijalankan, ia memberi penerangan mengenai barangan Kohilal dan menjadi stokisnya sahaja tanpa disentuh peluang perniagaan-perniagaan yang lain, yang lebih

terjamin dan menguntungkan. Disamping itu juga program penerangan mengenai ekonomi Islam tidak diadakan, ini bercanggahan dengan dasar perjuangan yang pada dasarnya ingin memperjuangkan Islam.

viii. Dalam bidang pendidikan pula sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu masih berada ditahap yang lemah, ini dapat dilihat pada setiap programnya. Kebanyakkan program yang dijalankan adalah berbentuk khusus untuk ahli sahaja walaupun dikatakan program itu untuk umum akan tetapi sebaliknya, tidak merangkumi semua lapisan masyarakat.

ix. Disamping itu, dalam aspek politik sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu boleh dikatakan berada diperingkat baik, namun begitu penerangan mengenai politik Islam dan dasar perjuangan PAS kepada masyarakat umum masih berkurangan. Sepatutnya program penerangan ini diperbanyakkan dan dipelbagaikan bentuknya, ini semua dapat dilihat sepanjang sesi lepas hanya beberapa program sahaja yang telah dijalankan. Ini menunjukkan kepimpinannya masih lemah untuk memikir dan menjalankan program-program yang lebih berkesan.

x. Dalam bidang sosial, sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu masih berada ditahap yang lemah. Ini kerana programnya masih sedikit kalau hendak dibandingkan dengan matlamat yang diimpikan itu. Sepatutnya setiap program yang dijalankan mestilah dibuat pemantauan samaada ia berkesan atau tidak, dengan ini ia dapat mengetahui

sejauhmana keberkesanan program tersebut dan selepas itu diperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang lain.

xi. Secara umumnya sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan boleh dikatakan bersifat warisan, ini terbukti setiap program yang dijalankan adalah sama seperti program-program ahli jawatankuasa yang lalu ianya tidak dipelbagaikan. Disamping itu kebanyakan programnya bersifat khusus untuk ahli sahaja tidak dibuka kepada masyarakat umum yang disasarkan.

III. SARANAN.

Kritikan telah selesai diberikan, segala kelemahan telah dibongkarkan maka disini penulis ingin mengajukan atau mengemukakan beberapa cadangan untuk dijadikan ubat bagi meningkatkan lagi prestasi dan kualiti Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu untuk terus menjadi satu pertubuhan yang maju dan berjaya dimasa hadapan.

i. Disarankan agar Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu dapat menyediakan buku rekod untuk mencatat segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Maklumat yang diisi adalah seperti pengisian diberikan oleh siapa, tarikh, masa, tempat dan bilangan peserta yang hadir. Dengan adanya buku ini ia dapat memudahkan bagi sesiapa yang memerlukan maklumat mengenainya.

- ii. Disamping itu, disarankan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu hendaklah mencari semula kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan dan disimpan atau dibukukan untuk dijadikan rujukan dimasa hadapan. Dalam mencari kertas kerja ini Dewan Muslimat PAS boleh meminta dari mana-mana ahlinya yang masih menyimpan kertas kerja tersebut dan dibayar pampasan untuknya sebagai penghargaan. Ini kerana dengan adanya kertas kerja tersebut, setiap pengisian dalam program itu dapat diketahui dengan lebih mendalam dan tepat.
- iii. Selain dari itu, segala sejarah mengenai Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu hendaklah dikumpul dan direkod dalam satu buku khas untuk dijadikan maklumat kepada generasi yang akan datang, disamping itu juga ia boleh dijadikan rujukan. Maklumat sejarah ini bermula dari penubuhannya sehinggalah sekarang, merangkumi segala apa yang berlaku sepanjang perjalanannya. Untuk memudahkan lagi kerja-kerja pengumpulan maklumat ini penulis mencadangkan supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan menubuhkan satu unit khas yang diketuai oleh seorang petugas dikalangan ahli jawatankuasa Dewan Muslimat sendiri dan dianggotai oleh beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Unit ini boleh dikatakan sebagai "Unit Penkaji Sejarah". Unit inilah yang bertanggungjawab mengumpul segala macam maklumat mengenai Dewan Muslimat ini.
- iv. Disarankan juga supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu menubuhkan satu unit kecil untuk mengumpul segala maklumat atau artikal yang terdapat dalam surat-surat khabar dan majalah-majalah. Unit

ini bertanggungjawab untuk menggunting berita-berita atau artikal-artikal penting dalam akhbar kemudian dibukukan. Disamping itu juga segala gambar-gambar yang telah diambil hendaklah diletakkan dalam album untuk dijadikan rujukan.

v. Dalam bidang sosial Dewan Muslimat PAS Kawasan perlu menggandakan lagi aktiviti-aktivitinya. Dalam memastikan kesihatan anggota masyarakat itu terjamin, tidak cukup sekadar diadakan majlis penerangan sahaja tetapi sumbangan kesihatan juga perlu diberikan, seperti program "Rawatan Percuma" perlu diadakan. Dengan adanya program seperti ini, ia boleh memberi peluang kepada masyarakat untuk memeriksa kesihatan mereka. Disamping itu juga ia menjadi salah satu dari kebajikan untuk anggota masyarakat.

vi. Untuk mengeratkan lagi tali silaturrahim, disarankan agar Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu mengadakan hari keluarga untuk muslimat sahaja, tidak seperti yang telah dianjurkan oleh PAS Kawasan Kuala Terengganu, kerana ia merangkumi muslimin dan muslimat mengakibatkan hubungan silaturrahim tidak dapat dijalinakan dengan lebih berkesan.

vii. Dalam memastikan kecermalangan anggota masyarakat itu lebih menyerlah, disarankan supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu membuka pusat tuesyen untuk para pelajar di semua peringkat sekolah. Adapun tenaga pengajarnya boleh dipilih dikalangan ahli-ahli

muslimat yang berpengalaman dalam pendidikan ini. Disamping kelas tuesyen itu, boleh juga diselitkan dengan kelas komputer untuk melahirkan pelajar yang bukan sekadar cemerlang pada pelajarannya tetapi cemerlang juga disudut teknologi maklumatnya. Disamping itu, yuran yang dibayar boleh membantu untuk menambahkan lagi ekonomi Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu dan dapat juga memberi peluang pekerjaan bagi muslimat yang mengajar di situ.

viii. Gejala sosial yang menimpa para remaja pada masa ini amat membimbangkan. Dengan ini, disarankan agar Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu memainkan peranan dengan menggandakan lagi programnya untuk remaja-remaja. Seperti mengadakan program rehlah, bina diri, ceramah penerangan mengenai gejala-gejala sosial dan lain-lain. Dengan ini dapat mengurangkan berlakunya gejala sosial, seperti bohsia, bohjan, lepak dan berpoya-poya di pusat-pusat beli belah, perhentian bas dan sebagainya.

ix. Dalam memastikan kebajikan untuk anggota masyarakat sentiasa diberi, disarankan supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu menubuhkan satu tabung kebajikan yang dikutip daripada setiap ahli pada tiap-tiap bulan. Melalui tabung ini, masyarakat yang kurang bernasib baik mendapat perhatian dan kebajikan. Disamping itu juga disarankan agar satu tabung pendidikan ditubuhkan untuk membantu para pelajar yang kurang berkemampuan untuk menyambung pengajiannya diperingkat lebih tinggi.

- x. Dalam bidang pendidikan dan pentarbiyahan Dewan Muslimat PAS Kawasan disarankan supaya menubuhkan satu unit risalah. Unit ini bertanggungjawab menyediakan risalah-risalah berbentuk agama atau pendidikan, seperti kata-kata nasihat, kelebihan bulan-bulan dan hari-hari kebesaran dalam Islam, kefahaman mengenai Islam dan sebagainya. Kemudian risalah ini dibahagi-bahagikan kepada masyarakat ataupun ditampal dimana-mana tempat tumpuan ramai. Dengan ini secara tidak langsung dapat membantu untuk mendidik masyarakat, disamping itu juga dapat memberi gambaran sebenar mengenai Islam.
- xi. Dalam bidang ekonomi, disarankan supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu membuka sebuah koperasi atau kedai runcit untuk menambah ekonominya sendiri. Namun begitu aktiviti-aktiviti yang telah sedia ada perlu dituruskan. Selain dari itu disarankan supaya satu kedai jahit dibuka untuk membantu penambahan ekonominya, seterusnya dapat memberi peluang pekerjaan untuk muslimat yang tidak mempunyai pekerjaan. Selain dari pada itu, untuk menambah ekonominya disarankan supaya Dewan Muslimat mengutip derma daripada individu-individu yang berkemampuan seperti ahli-ahli koperat dan peniaga-peniaga.
- xii. Dalam membantu meningkatkan ekonomi ahli masyarakat disarankan supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu menubuhkan satu unit khas untuk memastikan mana-mana wanita dikalangan ahli masyarakat yang tidak berkerja dan seterusnya menolong mereka untuk mendapatkan kerja.

- xiii. Dalam menjana ekonomi masyarakat, Dewan muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu juga disarankan supaya membuka kelas belajar menjahit dan kelas keraftangan. Melalui kelas-kelas ini Dewan Muslimat berjaya melahirkan tenaga mahir dikalangan wanita seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk bekerja dengan kemahiran yang ada pada mereka itu. Bagi yang belajar menjahit dapat membuka kedai jahitnya sendiri ataupun bekerja dikedai orang lain, begitu juga dengan yang lainnya.
- xiv. Dalam memberi kefahaman masyarakat tentang ekonomi Islam disarankan supaya Dewan Muslimat Kawasan dapat mengadakan program berbentuk seminar yang membicarakan tentang ekonomi Islam dan cara-cara pengurusan zakat. Dengan adanya program seperti ini masyarakat lebih faham dengan bidang yang dibolehkan oleh Islam dalam membangunkan ekonomi mereka.
- xv. Dalam bidang politik, dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu perlu memperbanyakkan lagi majlis-majlis penerangan mengenai politik Islam. Ini kerana kalau dilihat pada sesi 1999/2001 ceramah penerangan mengenai politik Islam amat sedikit, ia tidak akan memberi kesan yang banyak. Selain daripada ceramah, usrah, seminar dan dialog, mengedarkan risalah juga dapat memberi kesan untuk menambah kefahaman ahli masyarakat mengenai politik Islam.
- xvi. Bagi mendapat sokongan dalam pilihanraya, Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu disaran supaya mengadakan majlis makan

bersama wakil rakyat ataupun pemimpin. Di dalam program ini pengisian boleh diberi seperti penerangan mengenai politik Islam dan isu-isu semasa.

xvii. Disarankan juga agar Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu dapat mengadakan buletin bulanan dan takwim bulanan untuk diedarkan kepada anggota masyarakat khususnya kaum wanita. Melalui buletin dan takwim ini ia dapat memberi penerangan mengenai pendidikan, politik, ekonomi dan sosial. Disamping itu juga segala aktiviti umum dapat dihebutkan melalui takwim tersebut.

xviii. Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu diharapkan dapat mengimbangi program-program yang hendak dijalankan, agar tidak berlaku berat sebelah atau hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja dalam menjalankan program. Disamping itu disarankan supaya Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu dapat menubuhkan satu unit khas untuk memantau dan meneliti segala program yang telah dijalankan. Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan samaada program tersebut berkesan atau tidak.

xix. Sebagai sebuah pertubuhan yang berdasarkan kepada Islam, disarankan agar Ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu sentiasa beramal dengan akhlak Islam, samaada dari segi berpakaian, perbuatan atau amalan dan percakapan. Ini untuk membuktikan dan melambangkan Islam yang diperjuangkannya.

Sebagai penutup kepada kajian ini, penulis ingin menegaskan bahawa Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu boleh dikatakan masih belum berjaya sepenuhnya dalam memberi sumbangannya kepada masyarakat, namun begitu tidak bererti ia tidak berjaya. Sebagai satu pertubuhan yang menjadikan Islam sebagai dasar, ia tidak perlu berputus asa dan patah semangat, sebaliknya ia mesti menggandakan lagi usahanya dalam memastikan citi-citinya untuk menegakkan sebuah negara yang tertegak di dalamnya undang-undang Islam itu tercapai.

Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu perlulah menggunakan beberapa kaedah dakwah yang lebih berkesan supaya sumbangan yang dihulurkan kepada masyarakat itu berkesan dengan lebih mendalam. Sumbangan muslimat dalam membangunkan ummah ini tidak dapat dinafikan, ini telah dibuktikan oleh muslimat-muslimat di zaman awal Islam. Oleh itu, Dewan Muslimat PAS Kawasan mestilah memperkemaskan semula organisasinya dan aktiviti-aktivitinya, bermula dari cawangan hinggalah ke kawasan supaya ia lebih berkesan bagi membantu membangunkan ummat selari dengan kehendak Islam.